

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
26 NOVEMBER 2021**

**PERKARA : 4(A)41**

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PERMATANG BERANGAN  
YB. NOR HAFIZAH BINTI OTHMAN**

41. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

- (a) Senaraikan jenis dan lokasi pusat perlindungan sedia ada yang terdapat di bawah naungan JKM di seluruh negeri.
- (b) Berapakah peruntukan yang dibayar kepada OKU sejak 2018 hingga kini? Perincikan mengikut kaum dan gender.
- (c) Berapakah permohonan bantuan yang ditolak sejak 2018 hingga kini dan apakah alasan penolakan? Statistikkan mengikut kaum.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

41. (a) Terdapat dua (2) jenis pusat perlindungan yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) iaitu untuk kumpulan sasar kanak-kanak yang diselamatkan dan kumpulan sasar wanita mangsa keganasan rumah tangga.

Bagi kes kanak-kanak, terdapat satu (1) pusat perlindungan kanak-kanak di bawah naungan JKM di

Pulau Pinang iaitu Rumah Kanak-Kanak Taman Bakti (RKKTB) di Kepala Batas, Seberang Perai Utara. RKKTB adalah institusi Tempat Selamat bagi kes pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak di bawah Seksyen 54 (Tempat Selamat) dan Seksyen 30(1)(d), Akta Kanak-kanak 2001 (Akta 611). Operasi RKKTB ditutup sementara bermula 1 Mac 2021 dan diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya untuk kerja-kerja naik taraf selama tempoh tiga (3) tahun. RKKTB akan kembali beroperasi setelah selesai kerja-kerja naik taraf tersebut.

Bagi kes wanita mangsa keganasan rumah tangga, terdapat dua (2) tafsiran bagi tempat perlindungan mengikut Seksyen 2, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) iaitu:

- (i) Tempat Selamat merujuk mana-mana rumah atau institusi yang disenggara / diuruskan oleh Kerajaan / Organisasi Sukarela yang diluluskan oleh Menteri yang bertanggungjawab bagi kebajikan masyarakat; atau

- (ii) Tempat berlindung merujuk mana-mana rumah, institusi atau mana-mana tempat lain yang sesuai yang penghuni atau pemunyanya bersedia untuk menerima seseorang mangsa buat sementara waktu.

Sehingga kini terdapat 42 Tempat Selamat yang telah diluluskan oleh YB Menteri Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) di mana 35 adalah di bawah kendalian kerajaan dan tujuh (7) di bawah kendalian Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO) di seluruh negara. Bagi Negeri Pulau Pinang terdapat dua (2) tempat selamat yang telah diluluskan oleh KPWKM.

- (b) Sejak tahun 2018 hingga 2020, sejumlah RM121,539,130 telah dibelanjakan kepada kumpulan sasar OKU melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Pulau Pinang. Jumlah tersebut melibatkan RM4,563,450.00 bagi program i-Sejahtera OKU, RM356,000.00 bagi program Pengurusan Jenazah OKU dan RM116,619,680.00 untuk tiga (3) skim bantuan bulanan JKM iaitu Elaun Pekerja OKU, Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Terlantar dan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja. Perincian bagi

setiap jenis peruntukan yang dibelanjakan terhadap OKU di Pulau Pinang adalah seperti di **Lampiran A** dan **Lampiran B** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan.

- (c) Sejak tahun 2018 hingga 2020, sebanyak 6,870 permohonan bantuan telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat kelayakan permohonan. Perincian mengikut kaum dan gender seperti di **Lampiran C** yang akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat selepas selesai sesi soalan lisan. Antara sebab penolakan permohonan adalah seperti berikut:
- (i) Bukan warganegara Malaysia;
  - (ii) Pendapatan keluarga telah melebihi had kelayakan untuk menerima bantuan dari JKM;
  - (iii) Mempunyai anak yang telah dewasa dan bekerja serta mampu memberi sumbangan/menyara kehidupan pemohon; atau
  - (iv) Masih sihat dan berupaya untuk bekerja serta berdikari bagi menyara kehidupan sendiri/keluarga.

**REKOD LAPORAN BAYARAN PROGRAM I-SEJAHTERA OKU  
KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2018 SEHINGGA 2020**

TAHUN	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH (RM)
2018	10,158 OKU X RM130.00	RM1,320,540.00
2019	11,517 OKU X RM130.00	RM1,497,210.00
2020	11,638 OKU X RM150.00*	RM1,745,700.00
<b>Jumlah</b>	<b>33,313</b>	<b>RM4,563,450.00</b>

\*Mulai tahun 2020, kadar bantuan dinaikkan daripada RM130.00 kepada RM150.00

**REKOD LAPORAN PEMBAYARAN PROGRAM I-SEJAHTERA OKU-PENGURUSAN  
JENAZAH WARIS OKU (RM1,000.00) TAHUN 2018 SEHINGGA 2020**

TAHUN	DAERAH	JUMLAH PENERIMA	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2018	SEBERANG PERAI UTARA	8	RM118,000.00
	SEBERANG PERAI TENGAH	28	
	SEBERANG PERAI SELATAN	18	
	TIMUR LAUT	32	
	BARAT DAYA	32	
2019	SEBERANG PERAI UTARA	13	RM100,000.00
	SEBERANG PERAI TENGAH	20	
	SEBERANG PERAI SELATAN	11	
	TIMUR LAUT	29	
	BARAT DAYA	27	
2020	SEBERANG PERAI UTARA	23	RM138,000.00
	SEBERANG PERAI TENGAH	26	
	SEBERANG PERAI SELATAN	20	
	TIMUR LAUT	43	
	BARAT DAYA	26	
<b>JUMLAH</b>		<b>356</b>	<b>RM356,000.00</b>

**REKOD PENERIMA BANTUAN KEWANGAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT  
KATEGORI OKU**

Peruntukan Skim Bantuan OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat					
TAHUN	Elaun Pekerja OKU (EPOKU) RM	Bantuan Penjagaan Oku Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar (BPT) RM	Bantuan Oku Tidak Berupaya Bekerja (BTB) RM	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	
2018	25,723,600.00	4,631,630.00	7,622,500.00	37,977,730.00	
2019	26,117,200.00	4,467,050.00	8,401,000.00	38,985,250.00	
2020	26,435,600.00	3,897,600.00	9,323,500.00	39,656,700.00	
JUMLAH	78,276,400.00	12,996,280.00	25,347,000.00	116,619,680.00	

**LAMPIRAN C****PERINCIAN PERMOHONAN BANTUAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) YANG DITOLAK MENGIKUT KAUM DAN GENDER**

TAHUN	GENDER	JUMLAH	KAUM	JUMLAH
2018	LELAKI	920	M	413
			C	314
			I	193
	PEREMPUAN	1,130	M	569
			C	228
			I	333
2019	LELAKI	862	M	369
			C	332
			I	161
	PEREMPUAN	1,090	M	524
			C	264
			I	302
2020	LELAKI	1,312	M	612
			C	353
			I	347
	PEREMPUAN	1,556	M	715
			C	342
			I	499
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>6,870</b>

Catatan:

M = Melayu

C = Cina

I = India